



Kemahiran dalam kerjaya kini

Dunia kerjaya kini memerlukan pekerja yang memiliki pelbagai kemahiran. Ia menjadi kriteria penting bagi menghadapi cabaran sama ada di dalam atau luar organisasi, dalam negara atau pada peringkat global.

Selain faktor yang pernah penulis bincangkan sebelum ini, kemahiran seperti pengucapan awam, pemikiran kritikal, daya kreativiti, celik komputer serta keanjalan dan kebolehsuaian terhadap persekitaran (Leadersonomics 2013) mampu membawa seseorang berjaya dalam kerjayanya (Rajah 1).

Pengucapan awam

Pada setiap semester pengajian, saya mewajibkan semua pelajar membentangkan tugas masing-masing ketika tutorial di hadapan rakan kuliah mereka. Saya dapati tidak ramai mampu menyampaikan ucapan dengan baik.

Sebaliknya, pelbagai gelagat dapat diperhatikan. Misalnya, ada yang malu, tiada kontak mata, kebanyakan masa sekadar tunduk membaca bahan, malah ramai yang gugup menyebabkan persembahan tidak lancar.

Sebenarnya, tidak ramai ingin terbabit dalam pengucapan awam, sama ada pelajar universiti mahupun pekerja

peringkat eksekutif. Pengucapan awam dianggap salah satu kebimbangan terbesar yang mungkin dihadapi seseorang dalam hidupnya.

Kajian Monster.com mengenai fobia terbesar berkaitan kerjaya, menunjukkan 42 peratus responden fobia kepada pengucapan atau persembahan di hadapan khalayak (Gerson dan Gerson 2009).

Oleh itu, keupayaan bercakap dengan jelas, lancar dan meyakinkan di hadapan khalayak merupakan kelebihan amat signifikan. Apabila bekerja, pelajar tidak harus takut bersuara dan berkongsi idea dengan ketua atau rakan sepejabat.

Jika mampu membentangkan idea dengan jelas dan meyakinkan di hadapan khalayak, tentunya pekerja itu akan mendapat perhatian ketua atau majikan.

Pemikiran kritikal

Menurut Fisher (2001), pemikiran kritikal ialah mengenai penambahbaikan pemikiran kita dengan memberi pertimbangan dalam pelbagai konteks berpandukan model yang baik dan cuba mengamalkannya ke arah lebih baik.

Pemikiran kritikal memerlukan seseorang itu mahir mentafsir dan menilai berkaitan pemerhatian, komunikasi, maklumat dan hujah.

Pekerja yang berupaya menilai dan menganalisis maklumat serta mampu menilai kekuatan hujah penting untuk faedah organisasi. Ini dapat membantu organisasi untuk maju serta bersaing dengan organisasi tempatan dan antarabangsa.

mungkin belum terfikir oleh orang lain. Tindakan itu mampu membantu meningkatkan produktiviti atau pendapatan organisasi.

Penulis percaya majikan tentu menghargai pekerja yang dapat menyelesaikan masalah secara kreatif dan praktikal

PowerPoint yang menjadi keperluan asas dalam dunia kerjaya kini.

Jika graduan mahir dengan program berkenaan, di samping berupaya mempelajari program baharu dengan cepat, tentu ia dianggap satu kelebihan buat mereka ketika menghadapi temu duga.

Ketika belajar, pelajar sering menggunakan Word untuk menyiapkan tugas individu atau berkumpulan, kertas projek dan laporan amali. Excel pula digunakan untuk menjana dan menganalisis data kajian, manakala PowerPoint bagi menyediakan bahan pembentangan tugas atau kertas projek masing-masing. Sudah tentu kemahiran menggunakan perisian komputer itu banyak membantu pelajar apabila bekerja kelak.

Keanjalan dan kebolehsuaian

Seiring globalisasi dan kemajuan teknologi, sempadan kerja kini boleh dikatakan tanpa had dan berupaya melangkaui atau menembusi dinding fizikal organisasi.

Pekerja yang cepat menyesuaikan diri dan fleksibel dengan cara mereka berfungsi memiliki kelebihan, terutama jika perlu bekerja dengan orang dari bangsa dan budaya berbeza. Pekerja juga boleh berjaya jika berasa selesa bertugas dengan mereka daripada pelbagai latar belakang.

Oleh itu, keanjalan dan kebolehsuaian menjadi satu daripada faktor yang mungkin mempengaruhi kebolehpasaran graduan negara ini.

Rajah 1: Kemahiran diperlukan graduan dalam dunia kerjaya kini



Kreativiti

Organisasi zaman ini memerlukan pekerja yang memiliki kreativiti dalam setiap tindakan dan keputusan mereka. Pekerja harus berfikir 'di luar kotak' dan mencari cara kreatif serta inovatif untuk melakukan tugas yang

untuk membawa organisasi semakin maju.

Celik komputer

Pekerja perlu mahir menggunakan komputer, melayari internet dan bekerja menggunakan program seperti Word, Excel dan